

Nota Kecil

BACAAN SUJUD SAHWI

سُبْحَانَ مَنْ لَا يَنَامُ وَلَا يَسْهُوُ

(Maha Suci Dzat yang tidak mungkin tidur dan lupa).

Dua sujud yang dilakukan selepas bacaan tahiyat akhir (iaitu sebelum salam) oleh orang yang solat untuk menggantikan kesalahan yang terjadi di dalam solatnya kerana lupa (sahw).

SEBAB-SEBAB SUJUD SAHWI

- Menambahkan sesuatu, seperti lama dalam i'tidal atau menambah rukun.
- Tertinggal rukun solat, meninggalkan sunnah ab'ad seperti tahiyat awal @ bacaan qunut.
- Timbul syak di dalam Solat seperti terlupa bilangan rakaat solat.

TAHUKAH ANDA??

Naungan ALLAH Buat Golongan Yang Bertuah...

Daripada Abi Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Ada tujuh golongan yang akan mendapat perlindungan Allah pada hari yang tiada perlindungan kecuali perlindunganNya:

1. **Imam** (pemimpin) **yang adil.**
2. **Pemuda yang membesar dalam ketaatan** dan dalam keadaan beribadat kepada Allah sejak kecil.
3. **Lelaki yang terpaut hatinya dengan masjid.**
4. **Dua orang lelaki yang saling kasih-mengasahi hanya kerana Allah,** bertemu dan berpisah hanya keranaNya.
5. **Lelaki yang diajak oleh wanita yang mempunyai kedudukan dan cantik, lalu ia berkata: "Aku takut kepada Allah".**
6. **Orang yang bersedekah secara sembunyi** sehingga tidak mengetahui tangan kirinya apa yang diberi oleh tangan kanannya.
7. **Orang yang bermunajat kepada Allah sambil menggelinangkan airmatanya".** [Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Mutiara Hadis

"Jadilah kamu orang yang warak, nescaya kamu menjadi orang yang paling taat beribadat. jadilah orang yang qanaah, nescaya kamu akan menjadi orang yang paling bersyukur.

Cintailah sesama kami sebagaimana kami mencintai diri sendiri, nescaya kamu akan menjadi mukmin sejati, berbuat baiklah terhadap jiran tetanggamu, nescaya kamu akan menjadi seorang yang sempurna.

Kurangilah ketawa kerana ia akan membuatkan hatimu mati." (HR Baihaqi)



رسالة المسجد Risalah Masjid

Siri
5/2016

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)

EDARAN PERCUMA

MENGUMPAT:

RINGAN DI MULUT, BERAT DOSANYA DI TIMBANGAN

Ramai yang menyangka bahawa kalau kita bercerita sesuatu (hal buruk) yang benar tentang peribadi seseorang, kita tidak berdosa kerana kita hanya menceritakan hal yang sebenar, tidak berbohong. Kita juga tidak menfitnah kerana tiada unsur tokok tambah dalam cerita kita. Namun begitu, adakah Islam memandang sedemikian? Ketahuilah bahawa menceritakan keburukan seseorang itu adalah termasuk salah satu dosa yang besar. Rasulullah SAW menjelaskan mengenai mengumpat seperti sabdanya yang bermaksud: *"Mengumpat itu ialah apabila kamu menyebut perihal saudaramu dengan sesuatu perkara yang dibencinya"* [Riwayat Muslim].

janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang, dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani." [Al-Hujuraat:12]

Allah SWT mengumpamakan orang yang mengumpat seperti orang yang makan bangkai saudaranya sendiri. Begitulah hinanya orang yang mengumpat. Dosa orang yang mengumpat juga lebih dahsyat daripada berzina. Umum mengetahui zina merupakan salah satu dosa besar. Namun demikian, dosa mengumpat ini jauh lebih besar berbanding zina. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: *"Awastlah daripada mengumpat kerana mengumpat itu lebih berdosa daripada zina. Sesungguhnya orang melakukan zina apabila dia bertaubat, Allah akan menerima taubatnya. Dan, sesungguhnya orang yang melakukan umpatan tidak akan diampunkan dosanya sebelum diampun oleh orang yang diumpat."* [Riwayat Ibnu Abib Dunya dan Ibnu Hibbad].

Hadis di atas menjelaskan tentang makna mengumpat. Perkara yang dibenci di sini boleh merujuk kepada sebarang perkara yang mengaibkan atau tidak disukai oleh orang yang diumpat. Mengumpat sangat ditegah dan dibenci Allah SWT. Allah berfirman, maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa, dan*

Begitulah besarnya dosa mengumpat. Keampunan dosanya bergantung kepada keampunan orang yang diumpatnya. Selagi

kita tidak diampunnya, selagi itulah kita akan terus berdosa. Diriwayatkan oleh Abu Ummah al-Bahili di akhirat, seorang terkejut besar apabila melihat catatan amalan kebaikan yang tidak pernah dilakukannya didunia. Maka, dia berkata kepada Allah "Wahai Tuhanku, dari manakah datangnya kebaikan yang banyak ini, sedangkan aku tidak pernah melakukannya". Maka Allah SWT berfirman: "Semua itu kebaikan (pahala) orang yang mengumpat engkau tanpa engkau ketahui". Sebaliknya, jika pahala orang yang mengumpat tidak ada lagi untuk diberikan kepada orang diumpat, maka dosa orang yang diumpat akan dipindahkan kepada orang yang mengumpat.

Oleh itu, jagalah lidah kita daripada bahaya mengumpat. Menceritakan keburukan atau keaiban orang lain mungkin seronok kerana kita akan menjadi tumpuan kerana membekal gosip atau cerita-cerita panas yang sensasi, yang secara lumrahnya suka didengar oleh kebanyakan manusia di bumi ini. Namun, keseronokan dan kegembiraan dunia yang sedikit ini tidak terbanding dengan azab yang amat pedih yang menanti kita di akhirat kelak. Wallahu'alam.

PENJAGAAN LIDAH

Tip 1

Bercakap Perihal Sendiri/ Ilmu Yang Dipelajari

Bila dua orang bertemu, pasti akan berbual berkaitan sesuatu perkara. Dalam perbualan itu, cuba kaitkan dengan hal pengalaman diri sendiri sahaja. Pastinya yang baik dan bermanfaat sahaja keluar apabila bercakap tentang diri. Ataupun, ceritakan perihal ilmu yang telah dibaca atau dipelajari. Jika dikongsikan, lagi melekat kuat di 'kortex medulla oblongata' bukan?

Tip 2

Jangan Bercakap Perihal Orang

Pasakkan pada jiwa dan niatkan dalam hati; "Saya tidak akan bercerita tentang orang lain!". Untuk tips ini, **penetapan minda** itu penting. Menjadi kebiasaan seseorang untuk tersasar dengan istilah 'tapi'. Perkara ini menambahkan saham dosa mengumpat ketika menceritakan sesuatu yang kontra.

Menceritakan buruk orang itu tiada baiknya. Cerita itu jika benar maka dapatlah dosa mengumpat, manakala yang salah dapatlah dosa memfitnah. Akaun debit kredit pahala dan dosa terus aktif serta merta hanya dengan sebab lidah yang 'tergelincir' dari landasan.



Tip 3

Diam, Berdoa & Membenci

Menjadi kebiasaan untuk para wanita (khususnya) berkumpul beramai-ramai. Maka dikala perjumpaan itu, jika terdengar perihal buruknya orang, teruslah **berdiam diri**. Mengiakan pun tidak, menidakkan pun tidak. Kemudian, **berdoalah** supaya terlepas daripada dosa tersebut dan tidak terjebak dengannya dan doakan juga agar si pengumpat itu sedar dan bertaubat. Semoga dosa lidahnya diampunkan Allah SWT kerana dirinya mengumpat dalam keadaan jahil. Seterusnya, **benci dalam hati** perbuatan itu.

Jika terdengar orang mengumpat, terus berdiam diri. Doakan dirinya dan benci dari hati. Jangan ditegur si pulanah diwaktu itu, takut dirinya terasa dimalukan. Namun, jika berdua dan mampu untuk tegur, tegurlah secara berhemah. Diakhirat kelak, lidah yang banyak cabangnya ini akan terkatup kelu dan bisu. Terkatup serapat-rapatnya. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan". [Surah Yasin: 65]

Sungguh, si bijaksana itu adalah yang mengkaji kurangnya diri sendiri dalam memikirkan mati yang indah bertemu Tuhan. Bukannya mengaudit diri saudara sendiri. Wallahua'alam.



Doa Memohon Akhlak yang Baik

Dari Ali bin Abi Thalib RA, bahawa Rasulullah SAW dalam salah satu doanya, Baginda mengucapkan :

اللَّهُمَّ اهْدِنِي لِأَحْسَنِ الْأَخْلَاقِ، فَإِنَّهُ لَا يَهْدِينِي لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ، وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا لَا يَصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: Ya Allah, tunjukkanlah aku pada akhlak yang paling baik, kerana tidak ada yang menunjukkannya selain engkau. Ya Allah, Jauhkanlah aku dari akhlak yang tidak baik, kerana tidak ada yang mampu menjauhkannya dariku selain engkau. [Riwayat Muslim, Abu Dawud, at-Tirmidzi]



BERHATI-HATILAH DENGAN PERKATAAN DAN PERBUATAN, JIKA SUDAH MELUKAI HATI SESEORANG

BAGAIKAN SEBUAH PAKU YANG MENANCAP PADA KAYU WALAUPUN SUDAH DICABUT TETAP MENINGGALKAN BEKAS

